

23/05/2002

Ahli dalangi saman Presiden Umno dikenal pasti

SHAH ALAM, Rabu - Badan Perhubungan Umno negeri sedang mengenal pasti beberapa ahli yang dipercayai terbabit dengan tindakan dua ahli Umno Bahagian Klang yang memfailkan saman terhadap Presiden Parti dan Setiausaha Agung di Mahkamah Tinggi, minggu lalu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata beliau percaya lebih ramai ahli Umno terbabit dalam pakatan itu dan memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap mereka, termasuk dibuang daripada parti.

Katanya, beliau percaya ada dalang di sebalik tindakan dua ahli itu dan Umno Selangor sudah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menjalankan siasatan berhubung perkara itu.

"Kita akan ambil tindakan tegas terhadap semua yang terbabit. Nama mereka akan disenaraikan dan dibuang daripada parti.

"Saya suka mengingatkan bahawa Umno tidak perlukan mereka yang mementingkan perjuangan diri sendiri kerana pada saya, orang seperti mereka ini tidak sayangkan parti kerana sanggup mengheret masalah dalaman parti ke mahkamah," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan dua ahli Umno Bahagian Klang yang memfailkan saman terhadap Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agung Datuk Khalil Yaakob di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Khamis lalu, dua ahli Umno Bahagian Klang, Othman Ibrahim dan Zulkifre Abu memfailkan saman terhadap Dr Mahathir dan Khalil mendakwa Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Klang pada tahun 2001 dan 2002 tidak sah serta terbatal.

Tindakan saman itu dibuat bagi mendapatkan perintah mahkamah untuk mengisytiharkan Mesyuarat Umno Bahagian Klang pada tahun 2001 dan 2002 tidak sah serta terbatal.

Mereka mendakwa 11 daripada 55 cawangan yang mengambil bahagian dalam mesyuarat itu adalah cawangan haram yang dibubarkan sementara melalui perintah batal yang dikeluarkan mengikut Seksyen 14(5) Akta Pertubuhan 1966.

Ditanya mengenai dakwaan pihak terbabit bahawa mereka terpaksa mengambil tindakan mahkamah selepas aduan dan rasa tidak puas hati yang disuarakan kepada pengurusan parti tidak dilayan, Dr Mohamad Khir berkata, itu adalah dakwaan semata-mata selepas kehendak mereka tidak dipenuhi.

"Kita pernah jumpa mereka tetapi siapa yang berhak buat keputusan. Mereka atau parti. Itu adalah keputusan pengurusan parti, kita patuh, tetapi mereka tetap kata mereka yang betul, orang lain salah.

"Kita ada 2.9 juta ahli, tentulah banyak perkara timbul dan setiap keputusan yang dibuat tidak dapat memenuhi kehendak semua. Memang ada perbezaan pendapat dalam Umno tetapi tidak sampai mengheret ke mahkamah," katanya.

(END)